

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 MAC 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Inflasi terus rendah, OPR dijangka kekal 3 peratus

Inflasi terus rendah, OPR dijangka kekal 3 peratus

Kadar inflasi utama Malaysia terus mencatat aliran perlahan apabila menurun kepada 1.5 peratus tahun ke tahun pada Februari 2025, lebih rendah berbanding 1.7 peratus pada Januari.

Menurut CIMB dalam nota penyelidikannya, bacaan itu sejajar jangkaan pasaran, tetapi di bawah unjuran mereka sebanyak 1.8 peratus.

Katanya, penurunan inflasi itu didorong harga pakaian dan kasut yang susut 0.2 peratus (Januari: -0.3 peratus) serta kategori komunikasi dan maklumat yang kekal rendah pada

-5.3 peratus.

"Sebaliknya, inflasi makanan dan minuman kekal stabil pada 2.5 peratus, manakala inflasi makanan di luar rumah menyederhana kepada 4.6 peratus (Januari: 5 peratus).

"Data makanan berfrekuensi tinggi menunjukkan peningkatan ketara dalam harga beberapa barangan, termasuk cili merah, kelapa parut, tomat dan ayam, didorong musim perayaan seperti Ramadan pada Mac dan hari raya pada April.

"Bagaimanapun, dari perspektif lebih luas, jurang antara

indeks harga pengguna (CPI) dan indeks harga pengeluaran (PPI) yang menjadi penunjuk kepada keuntungan perniagaan kekal dalam zon positif.

"Ini menunjukkan tekanan kos daripada perniagaan adalah terhad dan secara keseluruhannya, tahap harga dijangka kekal terkawal," katanya.

Tambahnya, memandangkan kadar inflasi dijangka kekal rendah sepanjang tahun, berada dalam lingkungan sasaran rasmi Kementerian Kewangan (MoF) sebanyak 2 hingga 3.5 peratus, unjuran CIMB: 2.6

peratus), menyokong lanjutan jeda bagi kadar dasar semalaman (OPR) pada 3 peratus sepanjang 2025.

"Faktor utama yang perlu dipantau termasuk kesan limpahan daripada semakan gaji minimum yang diumumkan baru-baru ini, peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), pelaksanaan subsidi bersasar untuk RON95 yang dirancang pada pertengahan 2025 serta penyesuaian tarif elektrik pada Julai," katanya.

Sementara itu, MIDF Research dalam notanya berkata, pihaknya terus menjangkakan

kadar inflasi meningkat kepada 2.5 peratus tahun ini, walaupun ia adalah sedikit pelarasan berbanding unjuran sebelumnya sebanyak 2.8 peratus.

"Ramalan ini didorong jangkaan kesan penyesuaian dasar kerajaan, khususnya rasionalisasi subsidi. Namun, kami masih menjangkakan OPR kekal 3 peratus sepanjang 2025.

"Ia memandangkan tiada tekanan inflasi yang ketara berpunca daripada permintaan serta pandangan bahawa kadar semasa masih menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia," katanya.